

Headline **RM20j pertingkat kemampuan graduan IPTA**  
Date **21 Oct 2009**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **12**  
Article Size **119 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **1,623**  
PRValue **4,868**



## RM20j pertingkat kemampuan graduan IPTA

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pendidikan Tinggi menyediakan peruntukan segera RM20 juta bagi menggalakkan institut pengajian tinggi awam (IPTA) menawarkan program pengajian yang dapat merealisasikan hasrat kerajaan melahirkan graduan memenuhi kehendak majikan dan industri.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata IPTA boleh mengemukakan cadangan berdasarkan kriteria ditetapkan kementerian iaitu program berkenaan mampu meningkatkan daya saing graduan, berasaskan bidang strategik, dapat menjayakan industri berinovatif dan menjamin peluang pekerjaan.

"Saya mengumumkan hari ini (sema-

lam) semua IPTA boleh mengemukakan cadangan program pengajian asalkan ia memiliki nilai strategik, membantu meningkatkan inovasi dan menjamin pekerjaan kepada graduan.

"Setiap IPTA akan menerima RM1 juta daripada kementerian jika kita mengiktiraf program pengajian yang mereka cadang kerana sasaran kita hendak melahirkan graduan berdaya saing dalam dunia berasaskan pengetahuan dan kemahiran.

"IPTA boleh memohon sekarang kerana kita mempunyai bajet. Pada masa depan jika usaha ini berjaya dan menampakkan kesan positif saya percaya kerajaan perlu menambah lagi peruntukan," katanya.

Beliau berkata pada sidang media

selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kementerian Pendidikan Tinggi dan Mimos Bhd melaksanakan Program Pusat Penggalak Kepakaran Domain Dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) atau singkatannya CODE8 di sini, semalam.

CODE8 adalah program latihan untuk membekalkan graduan mempunyai kelayakan dalam lapan bidang iaitu kejuruteraan perisian, kejuruteraan komputer, kejuruteraan elektrik, kepintaran buatan, komunikasi tanpa wayar, kejuruteraan ilmu pengetahuan dengan latihan dan pengalaman yang akan memperkasakan mereka apabila melangkah alam pekerjaan.